

**Pengusaha Malaysia Sokong Lebih Ramai Wanita Anggotai Lembaga Pengarah Syarikat Tersenarai Bernama
6 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Kajian terbaru Grant Thornton menunjukkan 62 peratus pemilik perniagaan di Malaysia menyokong agar lebih ramai wanita menganggotai lembaga pengarah syarikat tersenarai.

Menurut kajian bertajuk 'Laporan Perniagaan Antarabangsa (IBR)' itu, Malaysia adalah negara ketiga tertinggi di rantau ini yang menyokong pengenalan kuota agar lebih ramai wanita dilantik ke lembaga pengarah.

Di peringkat global, sokongan juga melonjak di Kesatuan Eropah daripada 33 peratus kepada 41 peratus, selain Brazil, Russia, India dan China, daripada 41 peratus kepada 72 peratus manakala sokongan kekal tinggi di Amerika Latin (68 peratus) dan Asia Pasifik (57 peratus).

Bagaimanapun, di negara G7, iaitu Amerika Syarikat, Kanada, Jepun, Jerman, Perancis dan Itali, hanya 33 peratus tokoh perniagaan menyokong pengenalan kuota berkenaan.

Ketua Penasihat Cukai dan Pematuhan SJ Grant Thornton, Seah Siew Yun, berkata kepelbagaian dalam membuat keputusan akan menghaikan keputusan lebih baik.

Menurutnya, bagi perniagaan pula, keputusan yang lebih baik bermakna pertumbuhan yang lebih kukuh.

"Wanita nampaknya menunjukkan lebih keterbukaan kepada latihan, memberi penekanan lebih kepada teknik pengurusan moden dan juga lebih bersedia untuk mendelegasi tugas.

"Kita sudah pasti akan dapat melihat pendekatan berbeza yang memberi nilai kepada bisnes yang jawatan kanan dipegang kaum wanita," katanya.

Kajian IBR itu dibuat ke atas syarikat tersenarai dan juga syarikat milik persendirian.

Data diperolehi melalui temu bual dengan 6,700 ketua pegawai eksekutif, pengarah urusan, pengerusi dan eksekutif kanan semua sektor industri antara November 2013 dan Februari 2014.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019890>